



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 1/2020

**- PENGGUNAAN LOGO UNIVERSITI UTARA MALAYSIA PADA
BAHAN BERCETAK ATAU DIGITAL**



**JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S OFFICE**
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101/3199
Faks (Fax): 604-928 3104
Laman Web (Web): www.pendaftar.uum.edu.my

Ruj. Kami : UUM/PEN/P-7/6
Tarikh : 7 Januari 2020

Semua Staf
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato' /Yang Berusaha Prof./Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 1 TAHUN 2020
- PENGGUNAAN LOGO UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
PADA BAHAN BERCETAK ATAU DIGITAL**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Dalam melaksanakan tugas harian terutamanya penganjuran majlis, bengkel, seminar dan lain-lain, Universiti sering menerbitkan bahan bercetak atau digital dalam bentuk brosur, poster, kain rentang, reruai, gegantung, pamflet dan sebagainya bagi mempromosikan acara yang dianjurkan. Kebanyakan acara ini dilaksanakan secara bersama di antara beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan didapati bahawa kesemua PTJ berkenaan akan mempamerkan logo masing-masing yang setiap satunya mempunyai jata/lambang Universiti pada bahan yang diterbitkan.

3. Penggunaan terlalu banyak logo Universiti pada bahan bercetak/digital ini adalah tidak perlu kerana ianya akan mencacatkan bahan bercetak/digital berkenaan selain tidak menggambarkan kesatuan PTJ di UUM.

4. Sehubungan dengan itu, hanya satu (1) logo Universiti sahaja perlu digunakan walaupun acara berkenaan dibuat dengan kerjasama beberapa PTJ lain. Nama-nama PTJ yang terlibat hanya perlu ditulis tanpa mempamerkan logo PTJ masing-masing. Contoh adalah seperti berikut manakala cara susunan gambarajah dan perkataan adalah terpulang kepada kreativiti masing-masing.

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



 Jabatan Pendaftar Universiti Utara Malaysia ANJURAN BERSAMA:   Pusat Sukan Universiti Utara Malaysia LARIAN AMAL 2030  TARIKH : 1 MEI 2030 MASA : 8.00 PAGI TEMPAT : PUSAT SUKAN	
 UUM Universiti Utara Malaysia ANJURAN JABATAN PENDAFTAR Bersama: Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan dan Pusat Sukan LARIAN AMAL 2030  TARIKH : 1 MEI 2030 MASA : 8.00 PAGI TEMPAT : PUSAT SUKAN	

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menjalankan amanah



(BAHARUDIN BIN YAACOB)

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia

s.k - Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)